



## KENYATAAN MEDIA

### ISU PEROBOHAN PONDOK TOKONG DI JALAN BIDARA 1/4 TAMAN BIDARA, SELAYANG

1. MPS ingin memberi penjelasan berkaitan tindakan perobohan Pondok Tokong di Jalan Bidara ¼, Taman Bidara, Mukim Batu.
2. Untuk makluman, MPS telah menjalankan kerja-kerja perobohan sebuah pondok tokong yang didirikan di atas Rizab Jalan Bidara 1/4, Taman Bidara pada 4 Februari 2020. Tindakan ini dibuat selaras dengan keputusan mesyuarat OSC Bil. 02/2020 bertarikh 22 Januari 2020 yang telah bersetuju dan meluluskan tindakan seperti berikut:
  - a. Premis di alamat No 48 dan No 49, Jalan Bidara 1/4 Taman Bidara yang dijadikan Rumah Ibadat Bukan Islam diberikan surat peringatan untuk memindahkan operasi dalam tempoh enam (6) bulan atau selewat-lewatnya pada 1 Julai 2020.
  - b. Satu tindakan notis halangan di bawah Seksyen 46(1)(a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dikeluarkan kepada pemilik pondok tokong yang berada di atas rizab Jalan Bidara 1/4 bagi mengalihkan sendiri halangan tersebut
3. Berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut, satu notis telah dikeluarkan kepada pemilik pondok tokong pada 23 Januari 2020 dan tindakan perobohan oleh MPS telah dilaksanakan pada 4 Februari 2020. Tindakan ini adalah selari dengan Prosedur Standard Operasi (SOP) penguatkuasaan MPS yang akan

menjalankan tindakan perobohon jika tiada tindakan oleh pemilik selepas 3 hari notis dikeluarkan.

4. Merujuk kepada kenyataan pemilik pondok tokong bahawa satu keizinan penangguhan sehingga 7 Februari 2020 telah diperolehi, satu siasatan telah dibuat dan didapati keputusan penangguhan yang telah diberikan oleh pegawai MPS tersebut adalah tidak sah kerana ianya bercanggah dengan keputusan mesyuarat OSC yang telah dibuat dengan lebih awal.
5. Untuk tindakan berkaitan Premis di alamat No 48 dan No 49, Jalan Bidara ¼ yang dijadikan rumah ibadat, jika tiada tindakan dari pihak pemilik berdasarkan surat peringatan yang telah diberikan, MPS akan membawa kertas ringkasan mesyuarat bagi pertimbangan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam (HESI) Negeri Selangor untuk pengesahan tindakan penguatkuasaan.
6. MPS akhir sekali ingin menegaskan bahawa sebarang pendirian struktur di tempat awam perlulah mendapat kelulusan dari pihak MPS. MPS juga ingin menjelaskan bahawa sebarang tindakan penguatkuasaan adalah berdasarkan undang-undang yang telah diperuntukkan.

Dikeluarkan oleh :

**MOHAMAD ZIN BIN MASOAD** A.M.S.

Pengarah

Jabatan Korporat

b/p Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 6 Februari 2020